

Headline **Potensi industri herba jana pendapatan**
Date **31 Dec 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **A5**
Article Size **541 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **10,692**
PRValue **32,077**



Komuniti

agrobiz
PERTANIAN ADALAH PERNIAGAAN

5

DISEMBER
2010

Potensi industri herba jana pendapatan

INDUSTRI herba berpotensi sebagai salah satu pertumbuhan baru untuk menjana ekonomi negara memandangkan wujudnya permintaan tinggi di seluruh dunia terutama bagi sektor penjagaan kesihatan dan rawatan secara alternatif.

Berdasarkan Burill & Co (2007), pasaran industri herba di peringkat dunia menjelang 2020 dijangka mencapai RM1.8 trillion manakala pasaran industri herba di Malaysia boleh mencecah RM30 billion.

Menyedari potensi besar dalam industri herba, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil langkah proaktif bagi memastikan ia menjadi sektor pertanian yang boleh menyumbang kepada pendapatan negara.

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Roseley Khalid, berkata, pelan pembangunan telah dirangka di bawah Bidang Utama Ekonomi Pertanian Negara (NKEA) bagi sub-sektor produk herba dengan penekanan terhadap aspek penanaman, penyelidikan dan pembangunan produk.

"Tumpuan yang diberikan kerajaan ini juga dapat mempromosi khasiat dan kajian sains bagi produk berdasarkan herba seperti Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Dukung Anak,

Misai Kucing dan Hempedu Bumi yang berpotensi untuk kegunaan kesihatan," kata beliau dalam ucapan penutupan Seminar Industri Herba Menjana Ekonomi Baru yang diadakan baru-baru ini. Seminar tersebut dianjurkan Jabatan Pertanian dan Pusat Pembangunan Perniagaan Pertanian dan Makanan (Agri-BDC) untuk mempromosikan potensi industri herba, peluang-peluang yang disediakan dan faedah yang boleh diperolehi dengan mencebur industri herba.

Sebanyak 22 buah syarikat menyertai pameran dan jualan yang diadakan manakala 19 buah syarikat adalah pengilang produk herba berdasarkan Tongkat Ali, Dukung Anak, Misai Kucing, Mahkota Dewa, Roselle, Tunjuk Langit, Ubi Jaga, Serai Wangi, Nilam, Limau Purut, Selasih dan Serai Makan.

Di samping itu, tiga buah syarikat menawarkan perkhidmatan urutan refleksiologi kaki dan tangan, aromaterapi, rawatan kecantikan dan spa berdasarkan pelbagai herba dan rempah ratus.

Antara syarikat herba yang mengeluarkan produk berdasarkan ekstrak herba berpiawaian yang berkualiti dan berteknologi tinggi adalah Bioptropics Sdn. Bhd., Nova Lab Sdn. Bhd. dan Technology Park Malaysia.

Melalui pameran dan jualan, secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran pengguna mengenai kualiti produk herba yang selamat digunakan.

Beliau menambah, peranan dan kerjasama yang dimainkan oleh jabatan dan Agri-BDC amat penting untuk mempromosi produk berdasarkan ekstrak herba berpiawaian dan telah melalui kajian saintifik dan klinikal sebagai sumber kesihatan alternatif.

"Perkongsian maklumat dan pengalaman dengan semua pihak terbabit akan memberi manfaat kepada semua pemain industri serta menghasilkan kesan signifikan terhadap ekonomi negara," ujarnya.

Beliau berharap kerjasama dengan Agri-BDC dan jabatan dapat diteruskan dengan mengadakan seminar di seluruh negara mengikut wilayah termasuk Sabah dan Sarawak supaya dapat membantu masyarakat menambah pendapatan.

Agri-BDC yang berperanan sebagai pusat sumber dan maklumat setempat mengadakan pelbagai program dan aktiviti melibatkan kementerian dengan kerjasama agensi dan jabatan di bawahnya bagi

DUKUNG anak.



TONGKAT Ali.

mempromosikan sektor agromakanan.

Seminar ini membabitkan 496 peserta terdiri daripada pegawai kerajaan dan swasta, institusi pengajian tinggi, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan para usahawan.

Para peserta berpeluang meraih pengalaman dan pengetahuan hasil daripada pembentang kertas kerja di kalangan penyelidik Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, FRIM, MARDI dan hospital swasta.

Antara pembentang kertas kerja ialah Prof. Emeritus Dr. Mohd. Ismail Tambi dari Damai Service Hospital, Kuala Lumpur melalui kertas kerja berkaitan khasiat Tongkat Ali Dari Aspek Sains dan Klinikal bagi meningkatkan keyakinan peserta menggunakan herba sebagai alternatif rawatan kesihatan.



KACIP Fatimah.